

Soalan 1 : Rumusan

[30 markah]

Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian buat satu rumusan tentang **faktor-faktor yang menggalakkan perkembangan industri pelancongan dan manfaat industri pelancongan kepada negara**. Panjangnya rumusan hendaklah **tidak melebihi 120 patah perkataan**.

Pada era pascamerdeka ini, negara kita semakin disanjung tinggi oleh negara-negara lain. Hal ini demikian kerana negara kita berjaya mencapai kemajuan dalam pelbagai aspek. Malahan Malaysia berjaya mengukir nama di persada dunia kerana ekonominya yang mantap. Dalam hal ini, Malaysia telah memanfaatkan industri pelancongan bagi merealisasikan impian negara menjadi destinasi pelancongan dunia. Antara keunikan yang terdapat di Malaysia ialah rakyatnya yang terdiri daripada pelbagai kaum dan hidup bersatu padu. Hal ini mampu menarik pelancong luar untuk bertandang ke negara kita. Oleh itu, kita perlu berusaha untuk mengekalkan perpaduan kaum di Malaysia.

Dalam konteks ini, terdapat beberapa faktor *mendorong kemasukan* pelancong luar ke negara kita termasuklah kemudahan pengangkutan yang semakin maju. Antara kemudahan pengangkutan yang terdapat di negara kita termasuklah Transit Aliran Ringan (LRT), monorel, kereta api elektrik, teksi, bas dan lain-lain lagi. Pada masa yang sama, kemudahan membeli-belah yang disediakan juga menggalakkan pelancong berkunjung ke Malaysia. Mereka dapat berbelanja atau mendapatkan cenderamata untuk dibawa pulang ke negara mereka. Barang-barang yang terdapat di situ juga dijual pada harga yang berpatutan.

Keadaan iklim semula jadi yang panas sepanjang tahun mempengaruhi perkembangan industri pelancongan di negara kita. Iklim seperti ini amat digemari oleh pelancong asing khususnya pelancong dari negara-negara Barat seperti negara Eropah dan Amerika Syarikat. Kepelbagaian bentuk muka bumi yang menarik seperti kawasan rekreasi di tanah tinggi dan hutan semula jadi iaitu hutan hujan Khatulistiwa yang berusia lebih dua juta tahun menjadi tumpuan para pengkaji tempatan dan luar negara. Di samping itu, pantai-pantai dan pulau-pulau yang masih belum tercemar merupakan aset penting dalam industri pelancongan. Kemajuan industri pelancongan tanah air turut dibantu oleh wujudnya keunikan budaya di negara kita kerana Malaysia merupakan sebuah negara yang memiliki masyarakat majmuk. Dalam hal ini, gabungan budaya masyarakat Melayu, Cina dan India telah berjaya meningkatkan kunjungan pelancong asing ke Malaysia.

Peranan pihak kerajaan dan agensi kerajaan yang berkaitan dengan pelancongan juga turut memajukan sektor pelancongan di Malaysia. Sebagai contohnya, Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia telah mengadakan pelbagai pertunjukan kebudayaan dan destinasi pelancongan ke seluruh dunia sebagai usaha mempromosikan Malaysia kepada pelancong asing. Sesungguhnya, sektor pelancongan merupakan sektor yang berpotensi untuk menyumbang kepada ekonomi negara. Industri ini masih perlu diteroka kerana kalau tidak dipecahkan ruyung manakan dapat sagunya.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Malaysia Tumpuan Pelancong'
oleh Sofea Suhaimi,
Dewan Siswa, Oktober 2015

Soalan 2 : Pemahaman

[35 markah]

Soalan 2(a) – Petikan Umum

Berdasarkan petikan **Soalan 1**, jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

- (i) Berikan maksud rangkai kata *mendorong kemasukan*. [2 markah]
- (ii) Pengarang menyatakan terdapat beberapa faktor yang menjadikan Malaysia semakin disanjung tinggi di peringkat antarabangsa?

Nyatakan faktor-faktor tersebut?

[3 markah]

- (iii) Industri pelancongan di Malaysia tidak terlepas daripada cabaran-cabaran yang dihadapi daripada pelbagai aspek.

Pada pendapat anda, apakah cabaran-cabaran yang dihadapi dalam memajukan sektor pelancongan negara kita?

[4 markah]

Soalan 2(b) – Petikan Prosa Moden

Baca petikan cerpen di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Pesan bonda itu kekal melebat dalam hati sanubari saya. Pesan mulus yang terpahat lama di pangkal hati. Oleh itu, saya tangguhkan berkali-kali hasrat itu. Hasrat untuk menjengah wajah kota yang pesat dengan kemajuan dan peradaban. Saya batalkan keinginan meruap-ruap dalam diri saya untuk mencari pengalaman baharu sebagai warga kota.

Kata bonda, kota besar itu sudah hilang segala nilai-nilai tradisinya. Kota yang sekadar dibangunkan dengan kempen dan slogan itu sarat dengan api prasangka dan runcing prejudis para warganya yang berbilang bangsa dan bercampur aduk pula budaya dan bahasa pertuturannya. Manusia dipisahkan oleh benteng-benteng ketaksuban dan kepentingan diri masing-masing.

Mereka dipecah-pecahkan oleh ideologi, puak dan etnik, warna kulit, bahasa percakapan serta fahaman politik sehingga mengundang resah dan amarah. Lantas masing-masing bangun untuk berjuang menegakkan identiti sendiri.

Saya teringat cerita bonda tentang kota mewah itu yang pernah mencalit sejarah hitam dekad lampau. Sejarah yang meninggalkan parut luka sentimen yang bukan sedikit. Sejarah suram yang berparut duka angkara gelodak emosi dan kesumat yang mengalir dalam dada setiap warganya sejak sekian lama.

Dipetik daripada cerpen ‘Munsiy’
oleh Husna Nazri
dalam antologi *Jaket Kulit Kijang dari Istanbul*,
Kementerian Pendidikan Malaysia

- (i) Mengapakah bonda mengatakan bahawa kota besar itu sudah hilang nilai-nilai tradisinya?
[2 markah]
- (ii) Pada pendapat anda, apakah persiapan-persiapan yang perlu dilakukan sebelum seseorang itu berhijrah ke bandar?
[3 markah]
- (iii) Huraikan **satu** persoalan yang terdapat dalam petikan di atas dan **satu** persoalan lain daripada cerpen tersebut yang tidak terdapat dalam petikan.
[4 markah]

Soalan 2(c) – Petikan Prosa Tradisional

Baca petikan prosa tradisional di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Syahadan, Bendahara Paduka Raja itulah yang dikatakan orang bijaksana, kerana pada zaman itu tiga buah negeri yang sama besarnya: pertama, Majapahit; kedua, Pasai; ketiga, Melaka. Di dalam negeri tiga buah itu, ada tiga orang yang bijaksana; di Majapahit, Patih Aria Gajah Mada; dan di Pasai, Orang Kaya Kanayan; dan di Melaka, Bendahara Paduka Raja; dan Seri Nara Diraja menjadi penghulu bendahari.

Hatta, berapa lamanya maka datang pula orang Siam menyerang Melaka; Awi Dicu nama panglimanya. Maka kedengaran khabarnya ke Melaka; maka dipersembahkan orang kepada Sultan. Maka baginda pun menitahkan Bendahara Paduka Raja *berlengkap akan mengeluari* orang Siam. Seri Bija Diraja dan segala hulubalang sekaliannya dititahkan baginda mengiringkan Bendahara Paduka Raja itu. Adapun Seri Bija Diraja itu sedia asal Melayu, Tun Hamzah namanya, asalnya daripada Muntah Lembu; ialah dipanggil orang Datuk Bongkok. Apabila berjalan atau duduk, bongkok ia. Oleh sebab sangat gagah berani ia menjadi hulubalang besar, duduk di atas segala hulubalang. Telah sudah lengkap, maka Bendahara Paduka Raja pun pergilah mengeluari Siam itu, bersama-sama dengan Seri Bija Diraja, dengan segala hulubalang banyak. Maka orang Siam pun hampir ke Batu Pahat.

Dipetik daripada ‘Burung Terbang Dipipiskan Lada’
dalam antologi *Sejadah Rindu*,
Kementerian Pendidikan Malaysia

- (i) Berikan maksud *berlengkap akan mengeluari*. [2 markah]
- (ii) Apakah tindakan Sultan Melaka setelah menerima perkhabaran bahawa orang Siam akan datang untuk menyerang Melaka? [3 markah]
- (iii) Selain mempunyai raja yang berwibawa, Melaka juga digambarkan memiliki seorang pemimpin yang hebat seperti Bendahara Paduka Raja?

Apakah ciri-ciri yang perlu ada dalam diri seorang pemimpin yang ideal? [3 markah]

Soalan 2(d) – Sajak

Baca sajak di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Sang Gembala Kuda

Dia lelaki bergelar perkasa
dengan cemeti keberanian di tangan
rembat angkuhnya memacu takut
menghalau kuda-kuda di padang
berebutan memburu kandang.

Rumput dan jerami yang terhidang
adalah kanun janji kesetiaan
dimamah rakus kala lapar
tak peduli nasib diri setelah kenyang
jadi tunggangan memburu rakan.

Dia lelaki punya kuasa
sesekali suaranya lebih gempita
daripada ringkik kuda sekandang
pacuannya diiring seribu keberanian
meredah onak di rimba perburuan
meranduk lumpur di paya penindasan
sambil melibas cemeti durjana
dia melampar muslihat
aku penyelamat maruah
berjuang atas dasar kebenaran
menentang semua kebobrokan.

Dia lelaki sang gembala kuda
hanya mengenal pantas tunggangan
tanpa membaca keletihannya
dia lelaki sang gembala kuda
hanya tahu mengejar kehebatan
tanpa menghitung kesakitannya
dan kuda-kuda itu ditunggangi
ditunggangi dan ditunggangi!

Mohd Hashim Othman

Istimewa, 2012

Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
dalam antologi *Jaket Kulit Kijang dari Istanbul*,
Kementerian Pendidikan Malaysia

- (i) Huraikan maksud yang ingin disampaikan dalam rangkap kedua sajak di atas. [2 markah]
- (ii) Pada pendapat anda, apakah ciri-ciri yang perlu ada dalam diri seorang pemimpin agar dihormati dan disegani? [3 markah]
- (iii) Huraikan **dua** pengajaran yang terdapat dalam sajak tersebut. [4 markah]

Soalan 3 : Pengetahuan dan Kemahiran Bahasa

[30 markah]

Jawab semua soalan.

(a) *Tulis satu ayat bagi setiap kata kerja berimbuhan di bawah untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan, menukarkan imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.*

- (i) menjalani
- (ii) menjalankan
- (iii) menaiki
- (iv) menaikkan
- (v) menemui
- (vi) menemukan

[6 markah]

(b) *Tukarkan ayat bersusunan biasa di bawah kepada ayat bersusunan songsang.*

- (i) Peserta pertandingan pidato itu sungguh petah berbicara.
- (ii) Keropak lekor sangat popular di Terengganu kerana rasanya yang enak.
- (iii) Negeri-negeri di Pantai Timur dilanda banjir disebabkan hujan lebat yang berterusan.

[6 markah]

(c) *Dalam setiap ayat di bawah, terdapat **satu kesalahan ejaan** dan **satu kesalahan dari segi imbuhan**. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan ejaan dan satu kesalahan dari segi imbuhan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.*

- (i) Sempena perayaan Hari Guru pada tahun ini sebuah syarikat korporat telah diberikan kupon percuma sebagai tanda menghargai jasa guru-guru.
- (ii) Hujan yang turun tercurah-curah sejak pagi tadi menyebabkan kampung itu dilanda banjir sedalam dua meter.
- (iii) Beberapa orang pelajar balik awal kerana terlibat dengan rapthai acara pesembahan sempena Perayaan Hari Kebangsaan.

[6 markah]

(d) *Dalam setiap ayat di bawah, terdapat **satu kesalahan penggunaan kata atau istilah** dan **satu kesalahan tatabahasa**. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan penggunaan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.*

- (i) Sesetengah orang berasa mewah apabila mereka membeli barangan yang berjenama tanpa memikirkan harga barangan itu sama ada berpatutan dan tidak.
- (ii) Ayah merancang berangkat ke kampung di hujung minggu ini kerana memenuhi jemputan majlis perkahwinan anak rakan baiknya.
- (iii) Peristiwa sebuah pesawat Air Asia yang terhumban di Laut Jawa telah dirakam oleh seorang saksi menggunakan digital kamera.

[6 markah]

(e) *Baca ayat-ayat di bawah dengan teliti, kemudian nyatakan **peribahasa** yang sesuai berdasarkan situasi dalam ayat-ayat tersebut.*

- (i) Emak sukar membuat pilihan apabila melihat pelbagai warna dan corak fabrik ketika mengunjungi sebuah gedung pakaian yang terkenal di Kuala Lumpur.
- (ii) Jika tidak dipantau dengan sungguh-sungguh, akan ada sahaja peniaga yang akan menaikkan harga barang-barang ekoran kenaikan harga petroleum yang diumumkan itu.
- (iii) Setelah bekerja dan berjaya menjawat jawatan tinggi di Kuala Lumpur, dia jarang pulang ke kampung walaupun ibunya sedang sakit.

[6 markah]

Soalan 4 : Novel

[15 markah]

Jawab soalan-soalan di bawah berdasarkan novel-novel yang berikut:

- (i) Leftenan Adnan Wira Bangsa karya Abdul Latip bin Talib
- (ii) Di Sebalik Dinara karya Dayang Noor
- (iii) Jendela Menghadap Jalan karya Ruhaini Matdarin
- (iv) Pantai Kasih karya Azmah Nordin
- (v) Songket Berbenang Emas karya Khairuddin Ayip
- (vi) Tirani karya Beb Sabariah
- (vii) Bimasakti Menari karya Sri Rahayu Mohd Yusop
- (viii) Silir Daksina karya Nizar Parman

- (a) Berdasarkan sebuah novel yang telah anda pelajari, huraikan **dua** nilai kemanusiaan yang terdapat dalam novel tersebut.

[7 markah]

- (b) Berdasarkan **dua** buah novel yang anda kaji, jelaskan **satu** peristiwa yang berkaitan dengan perwatakan kebijaksanaan yang terdapat dalam setiap novel tersebut.

[8 markah]

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT